

**Yang di-Pertuan Agong Lancar Program Pemeriksaan Kesihatan Bergerak YSB  
Bernama  
07 Julai, 2012**

ALOR SETAR, 7 Julai (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah hari ini berangkat ke Karnival Amal Hari Penyayang 2012 anjuran Yayasan Sultanah Bahiyah (YSB) di Stadium Darul Aman di sini, Sabtu.

Seri Paduka turut melancarkan Projek Pemeriksaan Bergerak iaitu program pemeriksaan kesihatan percuma untuk rakyat negeri Kedah terutama yang tinggal di luar bandar.

Projek ini hasil usahasama pintar antara YSB, Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan (NKF) dan Kumpulan Sunway.

Ketika berucap pada majlis itu, Pengerusi YSB, Tunku Panglima Besar Kedah, Tan Sri Tunku Puteri Intan Safinaz Tuanku Abdul Halim berkata program itu melibatkan perbelanjaan RM500,000 setahun bertujuan mendidik orang ramai mengenai kepentingan penjagaan kesihatan.

"Karnival selama tiga hari ini bermula semalam bertujuan menjana kewangan YSB bagi melaksanakan program ini untuk memberi perkhidmatan pemeriksaan kesihatan percuma seperti kencing manis, tekanan darah, ujian air kencing dan rawatan ringan," katanya.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=678724>